




Bab

1

**BIODATA
IBN ḤAJAR AL-'ASQALĀNĪ**



BAB SATU

BIODATA IBN HAJAR AL-'ASQALĀNĪ

1.0 Nama dan keturunan

Nama beliau yang sebenar ialah Ahmad b. 'Ali b. Muḥammad b. Muḥammad b. 'Ali¹. Selain daripada nama sebenar ini beliau juga dikenali sebagai Ibn Hajar, al-Kinānī dan al-'Asqalānī.

¹ Nama dan keturunan sebenar Ibn Hajar yang disebut sehingga datuknya yang bernama Ali seperti yang di atas telah disepakati di dalam kitab-kitab yang dijadikan rujukan di dalam hal ini. Walaupun begitu di dalam menentukan nama dan keturunan yang lengkap selepas datuknya yang bernama Ali terdapat beberapa perbezaan nama di dalam kitab-kitab tersebut seperti berikut :

1.1 Di dalam kitabnya Raf' al-'Aṣr, Ibn Hajar menyebut nama dan keturunannya ialah Ahmad b. Ali b. Muḥammad b. Muḥammad b. Ali b. Ahmad. Rujuk Ibn Hajar, Raf' al-'Aṣr, Dār al-Kutub al-Maṣriyyah, t.t., h.36 dan al-Sakhawī, al-Jawāhir wa al-Durār, Dār al-Kutub al-Maṣriyyah, t.t., h.15

1.2 Di dalam kitabnya 'Anbā' al-Ghumar, beliau menyebut nama dan keturunannya ialah Ahmad b. Ali b. Muḥammad b. Muḥammad b. Ali b. Ahmad Ibn Mahmud b. Ahmad b. Hajar. Rujuk Ibn Hajar, 'Anbā' al-Ghumar, Dā'irah al-Ma'arif al-'Uṭhmaniyyah, 1976, h.1-3.

1.3 Di dalam al-Majma' nama dan keturunan beliau disebut sebagai Ahmad b. Ali b. Muḥammad b. Muḥammad b. Ali b. Mahmud b. Ahmad. Rujuk Ibn Hajar, al-Majma', al-Iskandariyyah, t.t., h.243

1.4 Di dalam Muaqaddimah Fath al-Bārī nama penuh Ibn Hajar dinyatakan sebagai Ahmad b. Ali b. Muḥammad b. Muḥammad b. Ali b. Hajar. Rujuk Ibn Hajar, Muaqaddimah Fath al-Bārī, Mustafa al-Babi al-Halabi, 1383H, Mesir.

1.5 Di dalam kitab al-Daw' al-Lāmi', nama dan keturunan sebenar Ibn Hajar dinyatakan sebagai Ahmad b. Ali b. Muḥammad b. Muḥammad b. Ali b. Mahmud b. Ahmad b. Hajar b. Ahmad. Rujuk al-Sakhawī, al-Daw' al-Lāmi', Beirut, t.t., h.10

Nama Ibn Hajar ini sukar untuk dipastikan sama ada ianya gelaran bagi datuknya yang bernama Ahmad ataupun nama keluarga bagi bapa datuknya yang bernama Ahmad ¹. Al-Kinānī merupakan nama bagi satu qabilah Arab ². Ibn Hajar sering menggunakan kalimah al-Kinānī di dalam menyebut nama dan keturunannya yang lengkap. Ini menunjukkan bahawa Ibn Hajar sememangnya berasal dari keturunan 'Arab yang sebenarnya.

'Asqalānī atau 'Asqalān mempunyai pengertian yang tertentu. Menurut Yā'qūt dari sudut bahasa 'Asqalān bermaksud bahagian tertinggi pada kepala ³. Selain dari itu 'Asqalān juga merupakan nama satu kawasan tinggi yang terletak di tepi pantai di antara Gaza dan Bayt Iibrin ⁴. Kawasan ini dahulunya terletak di bahagian tertinggi Sham dan Syria tetapi sekarang ini berada di dalam wilayah Palestin ⁵.

Ini menunjukkan bahawa keturunan Ibn Hajar berasal dari 'Asqalān di Palestin. Walaupun begitu tidak dapat dipastikan bilakah keturunan keluarga Ibn Hajar ini berpindah daripada 'Arab ke 'Asqalān dan kemudian berpindah pula daripada 'Asqalān ke Mesir⁶.

¹ Ibn Hajar sendiri kurang pasti berhubung hal ini. Di dalam kitab al-Jawāhir wa al-Durār terdapat frasa yang berkenaan, seperti berikut;

من أحمد بن علي ابن محمد بن علي الكناني المحمدي
ولدت جد أبيه أحمد لقبوا حبرا وقيل بل اسم والد أحمد

Lihat al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.15.

² Ibid dan al-Majma', Op.cit, h.15

³ Yāqūt, Mu'jam al-Buldān, Jil.4, Beyrut, 1957, h.122

⁴ Ibid.

⁵ Ibid

⁶ Berdasarkan catatan sejarah, pada 19hb. Sha'bān 587H/11hb. Sept. 1191M tentera Islam pimpinan Ṣalah al-Dīn al-'Ayyūbī memasuki 'Asqalān setelah mengetahui kurangnya kekuatan orang Islam bagi menghadapi tentera Perancis. Bila keadaan ini berlaku ramai orang Islam di 'Asqalān berpindah ke Mesir dan negara-negara Arab yang lain.

Lihat Ibid. dan al-Maqrizi, al-Khiṭaṭ, Qaherah : t.t, Jil.2, h.235

1.1 Kelahiran .

Ibn Hajar telah dilahirkan pada bulan Sha‘bān tahun 773H di dalam sebuah rumah yang terletak di tepi Sungai Nil yang berdekatan dengan Dār al-Nahḥās di Qaherah. Di dalam menentukan tarikh sebenar kelahiran Ibn Hajar, terdapat perselisihan pendapat di kalangan ulama mengenainya. Sebagai contohnya, Al-Shawkānī berpendapat bahawa Ibn Hajar telah dilahirkan pada 2 Sha‘bān 773H ¹. Manakala Al-Suyūṭī ² dan Ibn ‘Imād al-Hanbali ³ berpendapat bahawa Ibn Hajar telah dilahirkan pada 12 Sha‘bān 773H. Di samping itu, Ibn Taghri Bardī ⁴ berpendapat bahawa Ibn Hajar dilahirkan pada 22hb. Sha‘bān 773H.

Di dalam hal ini ternyata perselisihan pendapat para ulama’ berpunca bagi menentukan angka 2, 12 dan 22 sha‘bān sebagai tarikh lahir sebenar Ibn Hajar. Walaupun begitu para ulama’ bersepakat di dalam menentukan tahun 773H sebagai tahun kelahiran Ibn Hajar. Oleh yang demikian penulis tidak menetapkan bilangan haribulan yang khusus tetapi cuma menyebut bulan sha‘bān sebagai tarikh kelahiran Ibn Hajar.

1.2 Latar belakang keluarga.

Keturunan Ibn Hajar sememangnya berasal daripada tokoh-tokoh ilmuan Islam khususnya di bidang Hadīth dan Fiqh ⁵. Sebagai satu bukti, datuk dari sebelah ayah Ibn Hajar bernama ‘Uṭhmān b. Muḥammad (m.714H/1314M) yang bermazhab Shafi‘e pernah menjadi ketua mufti di Iskandariyyah ⁶.

¹ al-Shawkānī, al-Badr al-Talā‘, t.t, h.88

² al-Suyūṭī, al-Munjam fi al-Mu‘jam, h.130 dan Nazm al-Iqyān, h.45

³ Ibn al-Imād al-Hanbali, Shadharat al-Dhahab, h.380

⁴ Ibn Taghri Bardī, al-Nujūm al-Zāhirah, Jil.15, h.533

⁵ Ibn Hajar, al-Majma‘, h.15

⁶ Ibid.

Adik kepada 'Uthman bernama Qutb al-dīn Muḥammad (m.741H/1340M) telah dikenali sebagai ulama' Hadīth dan pernah mendapat ijazah dari seorang sheikh atau tokoh Hadīth pada zamannya ¹. Qutb al-din Muhammad mempunyai lima orang anak lelaki dan anaknya yang kelima bernama Nūr al-dīn 'Ali (777H/1376M) yang merupakan bapa kepada tokoh kajian ².

Ali memiliki kecenderungan terhadap ilmu pengetahuan dan merupakan seorang sarjana di bidang fiqh, bahasa dan kesusasteraan ³. Beliau juga merupakan seorang penyajak yang disanjung dan mempunyai beberapa antologi yang termasyhur seperti Diwān al-ḥaram yang mengisahkan pujian terhadap Nabi dan kota Mekah ⁴. Walaupun beliau mempunyai bakat di bidang kesusasteraan tetapi 'Ali lebih cenderung terhadap bidang fiqh dan pernah dilantik menjadi qāḍī bagi menggantikan tempat Ibn 'Aqil (m.769H/1368M) ⁵. Ini menunjukkan bahawa 'Ali turut mewarisi bakat dan kecenderungan ayah dan datuknya sebagai ulama dan tokoh di bidang fiqh dan Hadīth.

Di dalam lingkungan usia 40 tahun 'Ali telah berkahwin dengan seorang perempuan janda bernama Tujjār bt. Muhammad b. Ibrahim al-Ziftāwī ⁶. Sebelum berkahwin dengan 'Ali, Tujjār merupakan isteri kepada Ahmad b. Muhammad b. Abd. Muḥaymin al-Bakri (m.809H/1406M) ⁷.

¹ al-Sakhāwī, al-lawāḥir wa al-Durār, h.17

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

Hasil perkahwinan ini telah menghasilkan seorang anak yang bernama 'Abd. al-Rahman, tetapi telah meninggal dunia semasa kecilnya kerana diserang penyakit ¹. Setelah dua tahun berkahwin dengan Ali, Tujjār telah melahirkan seorang anak perempuan yang bernama 'Umm Muḥammad Sitt al-Rakb di dalam perjalanan menuju ke Mekah pada tahun 770H/ 1368M².

Tiga tahun kemudian beliau melahirkan pula seorang anak lelaki yang diberi nama Aḥmad yang akhirnya dikenali sebagai Ibn Ḥajar ³. Setelah melahirkan Ibn Ḥajar, Tujjār telah meninggal dunia ⁴. Kematian ibu Ibn Ḥajar telah disusuli pula dengan kematian bapanya pada tahun 777H/1375M ⁵. Oleh yang demikian Ibn Ḥajar dan kakaknya telah menjadi anak - anak yatim piatu semasa kecilnya.

Setelah kematian ibu dan bapanya, Ibn Ḥajar telah dijaga dengan baik oleh kakaknya yang dianggapnya sebagai *emak selepas kematian emaknya yang sebenar* ⁶. Di samping itu, melalui wasiat bapanya Ibn Ḥajar dan kakaknya telah dipelihara dengan baik dan penuh kasih sayang oleh kaum kerabatnya iaitu al-Khwāja 'Abu Bakr b. 'Alī al-Kharrubi (m.787H/1385M) yang merupakan seorang saudagar besar di Mesir ⁷. Seorang lagi penjaga yang diamanahkan ialah Shams al-Dīn Muḥammad b. 'Ali b. al-Qattan al-Miṣrī (m.813H/1410M) yang merupakan seorang ulama' terkenal dan sahabat karib bapa Ibn Ḥajar ⁸.

¹ al-Sakhāwī, *al-Jawāhir wa al-Durār*, h.22

² *Ibid.*

³ *Ibid.*

⁴ *Ibid.*

⁵ Ibn Hajar, *al-Majma*, h.22

⁶ al-Sakhawī, *Op.cit*, h.17

⁷ *Ibid.*, h.22

⁸ *Ibid.*

1.3 Zaman Kehidupan

Ibn Hajar telah dilahirkan pada penghujung suku abad yang kelapan hijrah di masa pemerintahan Al-ʿAshraf Nāsir al-Dīn Shāʿbān II (m.762H/1361M), merupakan pemerintah yang kedua puluh dua dari kerajaan Raja Bahri Mamlūk yang berpusat di Mesir¹.

Kerajaan Mamlūk ² merupakan sebuah dinasti yang memerintah Mesir dan Syria di antara tahun 648H/1250M-923H/1517M ³. Kerajaan Mamlūk adalah di antara dua buah kerajaan Islam yang terakhir di dalam peta dunia Islam selain Kerajaan ʿUthmaniyyah di Turki ⁴. Sebelum munculnya kerajaan Mamlūk, empayar kekuasaan Islam telah dimiliki oleh Kerajaan Sultan Ṣalāḥ al-din Al-Ayyūbī (t.1169M-1250M), Kerajaan Tuluniyyah (t.254H/868M-292H/905M), Kerajaan Faṭimiyyah (297H/909M-322H/996M) dan Kerajaan Ikhshiddiyyah (323H/935M-358H-996M) ⁵. Ibn Hajar sempat berada di bawah dua pemerintahan Kerajaan Mamlūk iaitu Bahri dan Burji.

¹ Syed Abu al-Fazl, Diwān Ibn Hajar Al-ʿAsqalānī, 1962, h.6

² Kalimah Mamlūk bererti hamba abdi yang dimiliki. Merujuk kepada sejarah, para pemerintah dari kerajaan Mamlūk ini adalah berasal dari kalangan hamba abdi yang berkulit putih berbangsa Turki. Kerajaan Mamlūk ini terbahagi kepada dua. Pertama, digelar Bahri yang bermaksud sungai iaitu bagi menunjukkan kepahlawanan tentera-tentera dari Mamlūk ketika berada di perairan. Kerajaan Bahri ini telah memerintah di antara tahun 648H/1250M-792H/1396M). Kedua, digelar Burji yang bermaksud benteng atau tempat bertahan dari serangan musuh iaitu bagi menunjukkan kecenderungan pemerintah untuk membina kota-kota sebagai benteng serangan daripada pihak musuh. Kerajaan Burji ini telah memerintah di antara tahun 784H/1382M-922H/1517M). Lihat Philip K. Hitti, History of the Arabs, 1970, London, Edisi 9, h.671; David Ayalon, Studeis on The Mamlūk of Egypt (1250M-1517M), 1977, London, h.135 dan Ibn Manẓūr, Lisān al-ʿArab, Jil.iii, h. 178.

³ Syed Abu al-Fazl, Diwān Ibn Hajar, 1962, h.6

⁴ Stanley Lane-Poole, A History of Egypt, London, 1963, h.89

⁵ Ibid.

Daripada dua kerajaan ini Ibn Hajar telah menyaksikan berbagai senario dan corak pemerintahan yang diterajui oleh Sultan atau Ketua Negara di dalam jangka masa yang tertentu.

Pada peringkat awal pemerintahan, kerajaan Mamlūk telah memberikan sumbangan besar dari sudut kekuatan ketenteraan Islam. Pada tahun 658H/1260M di Syria, tentera-tentera Islam dari kerajaan Mamlūk telah menewaskan tentera Tartar di bawah pimpinan Hulagu di dalam peperangan yang dikenali sebagai 'Aīn Jālūt ¹ .

Selain dari itu, kerajaan Mamlūk juga pernah menewaskan tentera Mongol di bawah pimpinan Cingiz Khan dan Timur Leng yang cuba menakluki dan menawan negeri-negeri yang berada di bawah kekuasaan empayar Mamluk ² . Pada zaman kegemilangannya juga dari sudut geografi politik sempadan Mesir telah meluas hingga ke padang pasir Libyā, Barkah di barat, Nubah, Masawwah di selatan dan di utara hingga ke Laut Mediterranean³.

Semasa Syria berada di bawah kekuasaan Mamlūk sempadan pemerintahan telah dapat diperluaskan di sebelah Timur hingga ke Sungai Furāt di sebelah selatan dan hingga ke tengah Semenanjung Arab dan di utara hingga ke Tawrūs ⁴ .

¹ Ahmad Shalabi, Dr., Mawsū'ah al-tārikh, 1989, Qaherah, Jil.5, h.216; Syed Ahmad b. Zaini Dahlan, Al-Futūhāt al-Islāmiyyah, 1968, Juz'.2, h.240 dan Bernard Lewis, Egypt and Syria, 1970, London, vol.1, h.175

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

Peringkat kegemilangan bagi Kerajaan Mamlūk ini telah diakhiri dengan pelbagai skandal dan penyelewengan yang telah dilakukan oleh pemimpinnya hingga membawa kepada ambang kejatuhan dan kelemahan.

Pada penghujung kegemilangan ini, Kerajaan Mamlūk terpaksa menghadapi pemberontakan dari kumpulan yang kecewa di kalangan pemimpin, menurunnya nilai mata wang, tingginya kadar cukai, kurangnya keselamatan hidup dan harta benda serta berlakunya kebuluran. Sehubungan dengan itu, Ibn Hajar sendiri telah melihat di sepanjang hayatnya tidak kurang dari empat belas sultan yang menerajui pemerintahan di dua buah kerajaan ini (Bahri dan Burji) di Mesir yang jelas menunjukkan singkatnya masa pemerintahan mereka ¹ .

Dari aspek perkembangan sosio-politik di Mesir ketika berada di bawah pemerintahan Kerajaan Mamlūk seperti yang diuraikan di atas, sememangnya di akui berada di dalam situasi yang tidak menentu. Walaupun begitu dari aspek perkembangan aktiviti intelektual dan kesusasteraan Islam, sumbangan dan peranan pemerintah dari Kerajaan Mamlūk wajar diakui dan tidak boleh dinafikan begitu sahaja.

Berdasarkan fakta sejarah, selepas kejatuhan Baghdād pada tahun 656H/1258M, banyak pusat-pusat pengajian ilmu pengetahuan telah dimusnahkan. Walaubagaimanapun Mesir merupakan satu-satunya negara Islam pada ketika itu yang terselamat dari serangan pihak musuh dan Mesir telah muncul selepas itu sebagai tumpuan utama di bidang pendidikan dan kebudayaan ².

¹ Ibn Taghribardī, Al-Nujūm al-Zāhira, 1932, vol.5, h.320; al-Suyuti, Husn al-muhādarah, t.t, vol.2, h.86.

² Ibid.

Di samping itu, kejatuhun Kerajaan Islam di Sepanyol pada tahun 898H/1492M di tangan tentera Kristian di bawah pimpinan Aragon dan Latile telah menyebabkan ribuan orang Islam meninggalkan negara tersebut ¹ . Sehubungan dengan itu, Mesir merupakan di antara salah satu destinasi utama pelarian Islam dari Sepanyol. Di bawah pemerintahan Kerajaan Mamlūk, Mesir telah memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada orang-orang Islam dari Sepanyol ² .

Kedatangan orang-orang Islam dari Sepanyol ini sebenarnya terdiri juga daripada para sasterawan, ulama dan sarjana Islam yang telah memberikan kesan positif terhadap perkembangan aktiviti-aktiviti intelektual dan kesusasteraan di Mesir ³ . Oleh yang demikian ratusan madrasah, khanqah, zāwiah dan masjid telah dibina semula atau dibaik pulih bagi memajukan bidang pendidikan di serata tempat di Mesir ⁴ .

Daripada suasana dan perkembangan budaya ilmu yang subur ini Ibn Hajar dan ulama'-ulama' telah berkesempatan menghayati dan mengembangkan ilmu-ilmu Islam dengan baiknya. Pengiktirafan dan keprihatinan di kalangan beberapa orang sultan dari Kerajaan Mamlūk terhadap ulama dan ilmu pengetahuan merupakan di antara faktor terpenting kemantapan perkembangan aktiviti intelektual pada masa itu.

Di antara sultan-sultan Mamlūk yang menunjukkan minat yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan dan pernah menganugerahkan kepada Ibn Khaldun dengan jawatan profesor

¹ Philip K.Hitti, History of The Arabs, h.845

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

dan Hakim Mahkamah Raja ialah Sultan al-Zāhir Saif al-Dīn Barqūq (m.784H/1382M) ¹ . Selain daripada Sultan al-Zahir, terdapat lagi beberapa orang sultan kerajaan Mamlūk yang prihatin terhadap budaya ilmu seperti Sultan al-Zāhir Rukn al-Dīn Baibras 1 (m.658H/1260M), Sultan al-Manṣūr Ṣaif al-Dīn Qalū'un al-Alfi (m.678H/1280M), Sultan al-Aṣḥraf Nāsir al-Dīn Sha'bān II (m.762H/1361M) dan Sultan al-Naṣir al-Dīn Fajar (801H/1399M) ² .

Kemunculan Ibn Ḥajar sebagai seorang tokoh ilmuan pada zamannya telah disertai dengan beberapa orang tokoh ilmuan terkenal yang lain dari berbagai disiplin ilmu pengetahuan. Sumbangan dan peranan tokoh-tokoh ilmuan ini telah memberikan imej yang positif terhadap aktiviti intelektual di zaman Kerajaan Mamlūk.

Selain daripada sumbangan Ibn Ḥajar terhadap perkembangan ilmu pengetahuan di zamannya, Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Khallikan (m.681H/1282M) telah muncul sebagai tokoh ilmuan di bidang biografi Islam yang telah menghasilkan sebuah karya yang bertajuk Wafāyāt al-a'yān wa anbā'abnā' al-zamān ³ . Buku ini telah memaparkan tentang riwayat hidup 846 tokoh-tokoh Islam yang terkenal dan juga sejarah pemerintahan kerajaan-kerajaan Islam.

Di bidang sejarah dan ketamadunan Islam, telah muncul pula beberapa orang tokoh ilmuan melalui karya-karya utama mereka.

¹ Philip K.Hitti, History of The Arabs, h.687

² Ibid.

³ Khayr al-dīn al-zarikli, Al-ʿĀlām, 1974, Jil.i, Beirut, h.178 dan Ahmad 'tti Al-lah, Al-Oāmūs al-Islāmi, 1966, Jil.ii, Qaherah, h.46.

Di antaranya ialah Abū al-Fidā' Ibn Kathīr (m.773H) telah menghasilkan karya sejarahnya iaitu Al-Mukhtasar fi tārikh al-Bashar dan Taqwīm al-Buldān ¹ .

Manakala al-Maqrīzī (m.845H/1441M) telah menghasilkan pula Khitāt dan al-Muqaffa. Di samping itu muncul pula Ibn Taghribardī (m.874H/1470M) dengan karyanya al-Nujūm al-zāhira fi akhbār miṣr wa al-qāherah dan Al-Dhahābi (m.784H/1348M) melalui karya masyhurnya iaitu Tārikh al-Islām dan Tabaqāt al-Mashāhir wa al-Ālām ² . Ketokohan para ulama ini bersama dengan karyanya telah menambahkan lagi khazanah rujukan sejarah peradaban Islam.

Di bidang falsafah dan teologi Islam, kemunculan Ibn Taymiyyah (m.728H/1328M) sebagai seorang ahli teologi, mujtahid dan reformis Islam telah memberikan sumbangan yang besar terhadap dakwah Islam khususnya di zaman Mamlūk. Di antara karya terkenalnya ialah al-Siyāsah al-shar'īyyah ³ .

Begitu juga dengan kemunculan ahli falsafah Islam terkemuka Ibn Khaldun (m.806H/1406M) telah memainkan peranan penting di zaman kerajaan Mamlūk sebagai ilmuan Islam dan pakar rujuk masyarakat. Beliau juga pernah dilantik bagi mengetuai rundingan damai dengan Timur Leng di Damsyiq di atas permintaan pemerintah ⁴ . Di antara karya terkenal beliau di bidang falsafah ini ialah Muqaddimah ⁵ .

¹ Ibn al-Īmād, Shadharāt al-Dhahab, 1351H, Jil.17, Qaherah, h.317

² Ibid.

³ Ibn 'Iyās, Tārikh Miṣr, 1311H, Jil.5, Qaherah, h.369.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid

Berdasarkan huraian di atas jelaslah bahawa Ibn Hajar telah melalui kehidupan di dalam satu zaman yang subur terhadap perkembangan aktiviti intelektual di bawah pemerintahan Kerajaan Mamlūk walaupun suasana sosio-politikanya berada di dalam keadaan yang tidak menentu. Dari sudut yang lain pula kemunculan Ibn Hajar dan tokoh-tokoh ilmuan Islam yang lain di zaman tersebut jelas menunjukkan bahawa pengiktirafan pihak pemerintah yang sewajarnya terhadap peranan para ulama di dalam berbagai bidang khususnya di bidang pentadbiran dan pendidikan.

1.4 Pendidikan .

Ibn Hajar telah memulakan pendidikan ketika umurnya 5 tahun dan beliau telah dapat menghafaz Al-Qur'ān apabila umurnya meningkat sembilan tahun di bawah bimbingan seorang pengajar yang bernama Sadr al-Dīn al-Suṭī (m.845H/1441M) ¹ . Ibn Hajar telah memasuki maktab pengajian ketika umurnya enam tahun dan mempelajari fiqh secara khususnya dengan Ibn 'Utrush (m.784H/1382M) ² .

Ketika berumur 12 tahun, penjaga Ibn Hajar yang bernama al-Kharrubī telah membawa beliau ke Mekah bagi mengerjakan haji pada tahun 784H/1382M ³ .

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durar, h.22

² Ibid.

³ Ibid

Ibn Hajar telah menetap selama dua tahun di Mekah dan sempat berguru dengan Sheikh 'Afīf al-Dīn al-Nishawāri (m.790H/1388M) yang mengajarnya kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī ¹ .

Pada tahun 786H/1384M Ibn Hajar dan al-Kharrubi telah meninggalkan Mekah untuk pulang ke Mesir ² . Setahun kemudian al-Kharrubi telah meninggal dunia dan kematiannya telah menyebabkan Ibn Hajar tidak meneruskan pengajiannya selama tiga tahun ³ . Pada tahun 790H/1388M Ibn Hajar telah menyambung semula pengajiannya dengan penjaganya yang baru iaitu Muḥammad al-Qaṭṭān al-Miṣrī (m.830H/1410M) ⁴ .

Melalui Muhammad al-Qattan, Ibn Hajar telah mempelajari asas-asas ilmu usul al-fiqh, ilmu bahasa dan matematik ⁵ . Ketika umurnya 19 tahun, Ibn Hajar mula meminati ilmu kesusasteraan dan telah menghasilkan satu antologi yang berjilid-jilid yang dikenali sebagai Diwān Ibn Hajar ⁶ .

Pada tahun 795H/1392M ketika berumur 23 tahun, Ibn Hajar dikatakan telah menjadi sarjana di dalam ilmu fiqh, mantiq, falsafah, kesusasteraan, matematik, retorik, bahasa, khat dan ilmu yang berkaitan dengan kamus ⁷ .

Menurut al-Sakhāwī pada tahun 796H/1393M, Ibn Hajar memulakan era baru di dalam kehidupannya sebagai seorang penuntut ilmu apabila beliau mula berguru dengan Zain al-Dīn al-

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.19

² Ibid.

³ Ibid. dan Daw' al-Lāmi', Op.cit, Jil.2, h.36.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

‘Irāqī (m.806H/1404M) yang terkenal sebagai seorang muḥaddīth pada masa tersebut ¹. Selama 10 tahun Ibn Hajar berguru dengan al-‘Irāqī di bidang Ḥadīth yang akhirnya telah menjadikan beliau sebagai seorang tokoh ilmunan di bidang ini ².

1.4.1 Guru-guru

Di dalam proses pendidikan di kalangan ulama’, aspek berguru amat diberi penekanan kerana ianya mempunyai nilai-nilai yang murni di antara guru dan murid. Berhubung hal ini, Ibn Hajar sebenarnya mempunyai ramai guru-guru yang terkenal dari berbagai disiplin ilmu. Berdasarkan keterangan Ibn Hajar di dalam al-Majma’ al-muassas li al-mu’jam al-mufaharas yang juga dikenali sebagai mu’jam al-shuyūkh, beliau menganggarkan guru-gurunya seramai 742 orang ³.

Berikut akan diuraikan beberapa orang tokoh ulama terkenal yang pernah menjadi guru bagi Ibn Hajar. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Ibn Hajar telah berguru dengan al-‘Irāqī bagi mendalami ilmu Ḥadīth. Di masa yang sama beliau juga turut berguru dengan Sirāj al-Dīn al-Bulqīnī (m.805H/1403M) yang merupakan seorang pakar di bidang ilmu uṣūl al-fiqh ⁴.

Al-Bulqīnī juga turut diakui sebagai seorang tokoh Ḥadīth khususnya di bidang Ḥadīth ahkām. Ketokohan beliau di bidang

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.20

² Ibid.

³ Ibn Hajar, al-Majma’, h.5

⁴ Ibid.

ini turut dibuktikan apabila Ibn Hajar sendiri menyaksikan al-Bulqīnī menghuraikan secara mendalam Hadīth-Hadīth yang disusun oleh al-Qurtubī di dalam Sharḥ Mukhtaṣar Muslim ¹ .

Al-Bulqīnī juga diakui sebagai salah seorang tokoh tajdid pada zamannya dan kehebatan hafalannya diiktiraf setanding dengan Ibn Taimiyyah ² . Berkat pengajaran beliaulah Ibn Hajar telah dapat menghasilkan sebuah karya yang bertajuk Ta'liq al-Tāliq ³ .

Selain daripada al-Bulqīnī, Ibn Hajar juga berguru dengan seorang tokoh ilmu Hadīth yang terkenal iaitu Ibn Mulaqqīn (804H/1401M) ⁴ . Sebagai seorang tokoh ilmuan, Ibn Mulaqqīn telah menghasilkan lebih daripada 300 buah karya dari berbagai disiplin ilmu ⁵ . Daripada beliau, Ibn Hajar banyak mempelajari khususnya Ilmu Hadīth yang berkaitan dengan sharḥ al-Ḥadīth dan rijāl al-Ḥadīth ⁶ .

Bagi memantapkan ilmu di bidang pembacaan al-Qur'ān maka Ibn Hajar telah berguru dengan Ibrahim b. 'Aḥmad b. 'Abd. Wahid b. Abd. Mū'min b. Said b. 'Ilwān b. Kamil al-Tanūkhī (m.800H/1397M) ⁷ .

¹ Ibn Hajar, al-Majma', h.6

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

Di samping itu al-Tannūkhī juga merupakan salah seorang guru yang terkenal di dalam ilmu isnād pada zamannya ¹ . Justeru itu Ibn Hajar telah mempelajari dan menerima tujuh qirāat Al-Qurān di samping ilmu isnād daripadanya selama tiga tahun ² .

Ibn Hajar juga turut berguru dengan ‘Ali b. ‘Abī Bakr b. Sulayman b. ‘Abī Bakr b. ‘Umar b. Ṣalleh al-Haythami (m.800H/1397M) ³ . Al-Haythami pernah berguru dengan al-‘Irāqī yang juga merupakan sahabatnya ⁴ dan merupakan seorang yang alim di bidang matan al-Hadith dan banyak menghasilkan kitab-kitab takhrij ⁵ . Oleh sebab itu Ibn Hajar telah tertarik dengan kebolehanannya dan telah mengkaji salah sebuah kitabnya yang terkenal iaitu Majma‘ al-Zawāid wa Manbā’ al-Fawā'id ⁶ .

Demi memantapkan lagi penguasaan Bahasa Arabnya maka Ibn Hajar telah berguru dengan Muḥammad b. Yāqūb b. Muḥammad b. Ibrahim b. ‘Umar al-Shīrāzī (m.817H/1415M) ⁷ . Beliau merupakan seorang ‘ulamā’ bahasa dan terkenal dengan karyanya Qāmūs al-Muḥit ⁸ . Oleh itu Ibn Hajar telah memperdalamkan lagi ilmu bahasa daripadanya.

¹ Ibn Hajar, al-Maimā‘, h.17

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

Sebenarnya Ibn Hajar mempunyai ramai guru yang membimbingnya dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Walaubagaimanapun guru-guru beliau seperti yang di atas adalah merupakan di antara tokoh-tokoh ulama terkenal dan masyhur di zamannya.

1.4.2 Murid-muridnya

Setelah berguru dengan ramai tokoh ilmuan Islam maka akhirnya Ibn Hajar turut menjadi seorang tokoh ilmuan juga. Beliau sebenarnya mempunyai bilangan murid yang ramai . Menurut al-Sakhāwī, Ibn Hajar mempunyai murid yang terlalu ramai sehingga sukar untuk dihitung ¹. Berdasarkan senarai di dalam al-Jawāhir, murid Ibn Hajar yang dikenali ialah seramai 600 orang ². Yang dimaksudkan dengan murid-murid Ibn Hajar ini ialah mereka yang berkesempatan mendapat pengajaran dan ilmu secara terus dari beliau semasa hayatnya dan telah mempelajari berbagai bidang ilmu khususnya ilmu Hadīth, sejarah, bahasa, kesusasteraan dan fiqh ³.

Daripada murid-murid Ibn Hajar tersebut, telah lahir sebilangan ulama' yang meneruskan jejak langkahnya bagi menghidupkan sunnah Rasulullah ﷺ ini menerusi berbagai bidang ilmu. Di antara murid-muridnya yang telah lahir sebagai tokoh-tokoh ulama' Islam ialah ⁴ :

- i) Hafiz Muhammad b. 'Abd. Rahman al-Sakhāwī (m.902H/ 1496M). Beliau adalah murid kanan yang mewarisi ilmu

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir, h.254-274

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

gurunya, Ibn Hajar. Al-Sakhāwī juga terkenal sebagai ulama di bidang Hadīth, uṣūl al-Ḥadīth dan sejarah.

ii) Taghribardī (m.874H/1469M) dan Ibn Fahd al-Makki (m.885H/1480M) merupakan dua orang murid Ibn Hajar yang akhirnya terkenal sebagai tokoh sejarah.

iii) Burhān al-dīn al-Ḥalabī (m.884H/1479M), 'Abū al-Fadl Qalqashqandī (m.871H/1466M) dan Muḥammad b. Muḥammad al-Kamal al-Shumunni (m.821H/1418M) di antara murid Ibn Hajar yang mempunyai keilmuan di bidang Hadīth.

iv) Nasīm al-dīn al-Murshidī (h.833H/1429M) merupakan seorang murid Ibn Hajar yang terkenal sebagai tokoh hafiz Al-Qurʾān dan sarjana di dalam berbagai ilmu pengetahuan.

v) Muḥammad b. Ahmad al-Taqi al-Fāsī (m.879H/1418M), murid Ibn Hajar yang menjadi seorang tokoh penyajak yang terkenal pada zamannya.

1.4.3 Pengembaraan Ilmu

Di antara proses pendidikan para ulama Islam ialah pengembaraan mencari ilmu atau lebih dikenali dengan rehlah al-ʿilmiyyah. Ibn Hajar sepertimana ulama-ulama' Hadīth yang lain telah mengembara ke merata tempat bertujuan untuk berguru dengan para ulama' yang ditemui khususnya ilmu yang berkaitan dengan Hadīth.

Ibn Hajar memulakan pengembaraan ilmunya yang pertama di dalam tahun 793H/1390M, menuju ke Qūs, yang merupakan sebuah kota yang terletak di Mesir dan jaraknya 12 hari berjalan kaki dari Fustāt ¹.

Semasa berada di Qūs Ibn Hajar telah sempat menemui sekumpulan ulama terkenal seperti Nūr al-Dīn ‘Alī b. Muḥammad al-‘Anṣārī (m.801H/1398M) ² . Pada hari Selasa, bulan Dhūl qā‘idah tahun 799H, Ibn Hajar meneruskan pengembaraannya ke Iskandāriyyah ³ .

Pemergian beliau ke Iskandāriyyah ini adalah bertujuan untuk menemui sekumpulan ulama’ Ḥadīth dan isnād yang terkenal pada masa itu seperti Ibn Sulaiman al-Fishī (m.798H/1396M) ⁴ , Ibn al-Būri (m.802H/1400M) ⁵ dan Ibn al-Ḥussayn al-Tunīsī (m.803H/1401M) ⁶ .

Setelah berada lebih dari setahun di Iskandāriyyah Ibn Hajar meneruskan pengembaraan ilmunya ke Damshīq ⁷ . Semasa di Damshīq beliau mula menulis dan dapat menghasilkan sebuah karya yang bertajuk al-Durār al-mudi‘ah min fawāid al-Iskandāriyyah ⁸ .

¹ Ibn Hajar, al-Majma‘, h.66 dan al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.23

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Beliau ialah Muḥammad b. ‘Aḥmad b. Sulaiman al-Fishī al-Marjany. Ibid., h.165

⁵ Beliau ialah Muḥammad b. ‘Alī b. ‘Aḥmad b. Hibbatullah b. al-Būri al-Iskandarani. Ibid., h.167

⁶ Beliau ialah Muḥammad b. Muḥammad b. Muḥammad b. al-Ḥasan b. ‘Alī b. al-Fakhr al-Tunīsī al-Iskandarani . Ibid., m h.157

⁷ Ibn Hajar, Op.cit., h.530

⁸ Ibid.

Beliau kemudiannya kembali ke Mesir dan seterusnya pada hari khamis, 22 shawal tahun 799H beliau menuju ke Yaman melalui kapal laut dan sampai pada bulan Rabi' al-awwal pada tahun berikutnya ¹ .

Semasa di Yaman, Ibn Hajar telah bertemu dengan ramai ulama' Islam dari berbagai bidang ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun kesemua ilmu pengetahuan yang dipelajarinya dari Yaman telah digunakan oleh Ibn Hajar untuk memperdalamkan ilmunya di bidang Hadith.

Ibn Hajar juga telah memperdalamkan bahasa Arab di samping ilmu Hadith dari al-Najm wa al-Marjani (m.827H/1424M) semasa di Yaman ² . Beliau turut berguru dengan seorang Ketua Majlis Fatwa Yaman iaitu Ahmad b. Abi Bakr al-Nāṣirī (m.815H/1413M) dan al-Sharīf b. al-Maqri' (m. 837H/ 1334M) untuk mempelajari ilmu fiqh, Bahasa Arab dan sastera ³ .

Bagi memperdalamkan lagi pengetahuan di bidang kesusasteraan dan qiraat al-Qur'an, beliau telah menuntut dengan al-Radhi b. Musta'zayn (m.816H/1414M) ⁴ . Selepas menamatkan pengajian ini, Ibn Hajar telah menulis karya-karyanya yang bertajuk Ta'liq al-Ta'liq, Tahdhib al-Tahdhib dan Lisān al-Mizān. ⁵

¹ Ibn Hajar, al-Majma', h.531

² Nama beliau ialah Muḥammad b. 'Abī Bakr b. 'Alī b. Yussuf al-Miṣrī, Lihat Ibn Hajar, Anbā' al-Ghumar, Op.cit., h.338 ; al-Majma', Op.cit., h. 262 dan al-Sakhāwī, al-Daw' al-Lāmi', Op.cit., h.182 ; al-Jawāhir wa al-Durār, Op.cit., h.28.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

⁵ Ibn Hajar, al-Majma', h.244

Di samping mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan seperti yang dinyatakan di atas, Ibn Hajar mengambil kesempatan untuk mengambil Hadīth daripada ulama'-ulama' di Yaman. Di antara ulama'-ulama' tersebut ialah Biltaqī 'Aḥmad b. Ibrahim al-Qawsi dan 'Alī b. Aḥmad al-Ṣan'ānī (m.806H/1404M) ¹ .

Di atas tujuan untuk bertemu dengan ulama' Hadīth dan pakar sanad Hadīth, Ibn Hajar telah sampai di Shām pada 21hb. Ramaḍān 802H/1399M ² . Ibn Hajar telah berada di Shām selama 100 hari. Semasa di Shām, Ibn Hajar telah dapat melawat beberapa tempat seperti Siryāqus, Qatiya, Ghazza, Nabulus, Ramla, Khalil, Ṣalihiya, Dimashq dan Bait al-Maqdis di samping sempat menemui sebilangan ulama' Hadīth seperti Sulaiman ibn Abd. Nasir ibn Ibrahim al-Ibshīṭī (m.811H/1409M), Ibn 'Abdullah al-Khalīlī (m.805H/1403H) dan lain-lain lagi ³ .

Pada tahun 805H, Ibn Hajar bersama dengan serombongan ulama' dan muḥaddīthin telah pergi ke Hijaz untuk tujuan menunaikan fardhu haji dan ziarah. Semasa di Hijaz, terutamanya di Mekah dan Madinah, Ibn Hajar telah dapat mengadakan muzakarah atau diskusi ilmu dengan ulama-ulama Hijaz ⁴ .

¹ Ibn Hajar, al-Majma', h.244 .

² al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.30

³ Ibid.

⁴ Di antara ulama tersebut ialah Kamāl al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad b. Naṣr al-Dīn Muḥammad b. al-Barīzī (m.856H/1456M) dan al-Badr al-Aīnī (855H/1451M)-al-Sakhāwī, Ibid., h.131 dan Ibn Hajar, Ibid., h.281.

Pada tahun 836H, Ibn Hajar telah menuju ke Ḥalb, Syria untuk bertemu dengan seorang ulama' sanad yang bernama 'Umar b. 'Aidghamash (801H/1399M) ¹ . Semasa di Ḥalb, Ibn Hajar juga telah dapat bertemu dan bermuzakarah dengan Ibn Khatīb al-Naṣīriyyah (m. 843H/1440M) di atas tujuan untuk berguru dan mengambil Hadīth-Hadīth dari mereka ² .

Sebenarnya pengembaraan ilmu yang telah dilakukan oleh Ibn Hajar bukanlah hanya di tempat yang disebutkan di atas sahaja tetapi meliputi lebih kurang 49 tempat di dunia Islam ³ .

1.5 Kehidupan Berumahtangga.

Ibn Hajar telah memulakan penghidupan berkeluarga ketika berumur 25 tahun apabila berkahwin dengan seorang perempuan yang bernama 'Anas pada bulan Shā'ban 798H ⁴ . 'Anas adalah merupakan anak kepada seorang qādi yang bernama Karīm al-Dīn 'Abd al-'Azīz (m.807H/1405M) ⁵ .

¹ Ibn Hajar, al-Majma', h.281

² Ibid.

³ Empat puluh sembilan tempat yang pernah dilawati oleh Ibn Hajar itu boleh diketahui dengan lebih lanjut di dalam kitabnya Anbā' al-Ghumar.-Lihat Ibn Hajar, Anbā' al-Ghumar, Op.cit., h.37

⁴ Ibn Hajar, Op.cit., h.240 dan al-Sakhāwī al-Jawāhir wa al-Durār, h.326

⁵ 'Anas merupakan seorang perempuan yang telah dikenali sebagai ilmuwan khususnya di bidang Hadīth dan pernah berguru dengan al-'Irāqī sebelum berkahwin dengan Ibn Hajar Ibid.

Daripada perkahwinan Ibn Ḥajar dengan 'Anas telah melahirkan lima orang anak perempuan iaitu Zin Khatun, Farḥah, Ghāliyah, Rabī 'ah dan Fāṭimah ¹ . Tiada seorangpun anak lelaki yang dilahirkan melalui perkahwinan Ibn Ḥajar dengan 'Anas ² .

Justeru kerana keinginannya yang tinggi terhadap anak lelaki, maka beliau telah berkahwin pula dengan seorang hamba Tartar yang bernama Khaṣ Tark ³ . Keinginan Ibn Ḥajar untuk mendapatkan anak lelaki akhirnya dimakbulkan oleh Allah SWT melalui perkahwinannya dengan hamba Tartar ini. Pada 18hb. Ṣafar tahun 815H/1412M lahirlah seorang anak lelaki dari isterinya yang keempat ini dan diberi nama Badr al-Dīn Abū al-Ma'ālī Muḥammad⁴.

Pada tahun 834H, Ibn Ḥajar telah berkahwin pula dengan 'Armālah al-Zīn 'Abī Bakr al-Amshati ⁵ . Perkahwinan Ibn Ḥajar kali ini telah melahirkan seorang anak perempuan sahaja yang bernama 'Amīnah, tetapi telah meninggal dunia semasa kecilnya. Pada penghujung tahun 836H/1432M , beliau berkahwin lagi dengan seorang wanita yang bernama Layla bt. Maḥmūd b. Tughan al-Halabiya (m.881H/1476M) . Layla merupakan seorang janda yang sudah mempunyai dua anak remaja . Walaubagaimanapun perkahwinannya dengan Layla turut tidak menghasilkan anak sebagaimana keinginan beliau sendiri ⁶ .

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.327

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

Mengenai kehidupan anak-anak Ibn Ḥajar, kesemuanya telah dididik dengan didikan keagamaan dan keilmuan. Anak sulungnya yang bernama Zin Khātūn (m.802H-833H) telah berkahwin dengan seorang amir yang bernama Shāhīn al-Karkī (m.860H/1456M) ¹ .

Beliau telah melahirkan beberapa orang anak, tetapi kesemuanya telah mati ketika kecilnya . Walaubagaimanapun hanya seorang sahaja yang hidup iaitu bernama Abū al-Mahāsīn Yūsuf yang lebih dikenali sebagai cucu Ibn Ḥajar ² .

Anak keduanya, Farḥah (m.804H-828M) telah berkahwin dengan seorang shaikh yang bernama Muḥib al-Dīn Ibn al-ʿAshqar (m.863H) . Hasil perkongsian hidup tersebut beliau telah dikurniakan seorang anak lelaki tetapi telah meninggal dunia semasa kecilnya . Gāliyah (t.806H-809M) dan Fāṭimah (t.817H-819H) adalah merupakan dua orang anak Ibn Ḥajar yang telah meninggal dunia semasa kecilnya kerana mengidap penyakit taun³.

Manakala anak Ibn Ḥajar yang bernama Rabī ʿah (t.811H-832H) telah berkahwin dengan al-Shahab b. Maknun (m.829H) . Anak yang dilahirkan dari perkongsian hidup ini yang bernama Ghāliyah juga telah meninggal dunia semasa kecilnya . Setelah suaminya al-Shahab Ibn Maknun meninggal dunia maka beliau telah berkahwin pula dengan al-Muḥb b. al-ʿAshkar (m.829H) sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 832H ⁴ .

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.209

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

Anak lelaki tunggal Ibn Hajar iaitu Badr al-Dīn Abū al-Ma'ālī (815H-869H) telah dididik di peringkat awalnya supaya dapat menghafaz Al-Qur'ān semenjak kecilnya. Melalui didikan bapanya, Ibn Hajar dan guru-guru yang lain, Badr al-Dīn telah muncul sebagai seorang ulama' khususnya di bidang Hadīth. Beliau pernah menggantikan bapanya sebagai seorang imam di Masjid Tālūn, Mesir dan guru Hadīth di Institut Husayniyyah.¹

Menurut al-Sakhāwī, Badr al-Dīn di dalam beberapa aspek tidak dapat mewarisi kehebatan ilmu dan peribadi seperti yang pernah dimiliki oleh bapanya. Sebagai buktinya, Badr al-Dīn hanya dapat menghafal sebahagian sahaja daripada Hadīth-Hadīth yang terdapat di dalam kitab ayahnya, Bulūgh al-Marām. Selain itu beliau juga pernah membelanjakan duit secara berlebihan sebanyak 30,000 dinar bagi menguruskan harta peninggalan bapanya.²

Sebagaimana yang dinyatakan di awal perbincangan, Ibn Hajar mempunyai seorang cucu lelaki yang bernama Abu al-Maḥāsīn Yūsuf yang dilahirkan pada malam Isnin, 8 Rabi' al-awwal 828H dari anak perempuannya Zīn Khātun. Abu al-Maḥāsīn mendapat didikan ilmu pengetahuan secara khusus daripada datuknya sendiri, Ibn Hajar.³

Di samping itu al-Sakhāwī telah menyebutkan beberapa orang ulama yang menjadi guru kepada Abu al-Maḥāsīn, di antaranya ialah al-Burhān b. Khadr, al-Badr b. al-Qaṭan, al-Zīn Sha'bān dan Ibn Yā'qūb.⁴

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.208

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

Daripada proses pendidikan ini Abu al-Mahasin telah tampil sebagai seorang ulama dan pernah menjawat jawatan penting seperti Khātib di Masjid Jāmi' Sharf al-Dīn dan di Madrasah al-Mazhariyyah . Beliau telah meninggal dunia pada tahun 899H ¹ .

1.6 Jawatan-jawatan yang disandang.

Sebagai seorang tokoh ilmuan Islam di zamannya, Ibn Hajar telah dilantik bagi memegang beberapa jawatan penting semasa pemerintah Kerajaan Mamlūk . Di antara jawatan penting yang pernah dipegang oleh Ibn Hajar ialah Pengerusi Majlis Mesyuarat Ilmu Hadīth, pensyarah, ahli fatwa, qāḍi, Khātib dan Imām.

1.6.1 Pengerusi Majlis Mesyuarat Ilmu Hadīth.

Ibn Hajar telah menyandang jawatan ini bermula pada tahun 808H sehingga 852H sehingga tahun kematian beliau dan semasa hayatnya, majlis ini telah diadakan lebih dari seribu kali ² . Anggota majlis ini terdiri dari lebih 150 orang para ulama' yang berwibawa, di antaranya ialah al-Shahab al-Busayrī, al-'iz al-Baghdādi, al-Kamal Ibn al-Tamīmī dan al-Shams b. al-Qamr .

Bagi menjalankan majlis ini Ibn Hajar telah memilih banyak tempat seperti di al-Shaykhuniyyah, Baybarsiyyah, al-Jamāliyyah al-Mustajiddah, Dār al-Hadīth al-Kāmiliyyah dan di rumah Ibn Hajar di tepi pantai Nil, di Mesir ³ .

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.313

² Ibn Hajar, al-Majma', Op.cit., h.100

³ Ibid.

Di antara peranan majlis ini ialah merumuskan sebanyak mungkin istifādah atau kesimpulan yang penting dari sesuatu Ḥadīth di samping meneliti kesahihan sesuatu Ḥadīth dan meneliti syarat-syarat yang cukup bagi perawi Ḥadīth yang berkenaan ¹.

Pada kebiasaannya di dalam majlis ini akan dimulakan dengan bacaan Al-Qur'ān oleh Qārī yang baik dan disusuli dengan selawat ke atas Rasulullah ṢAW dan doa kepada orang-orang yang hadir dan tokoh-tokoh ulama' yang terdahulu serta diakhiri dengan wirid-wirid yang boleh mententeramkan jiwa ².

1.6.2 Pensyarah

Tugas sebagai seorang tokoh ulama' tidak dapat lari daripada memberi sumbangan di bidang pendidikan sama ada berperanan sebagai pendidik atau pensyarah. Sehubungan dengan itu, Ibn Ḥajar telah mengendalikan siri-siri kuliah ilmu seperti Tafsīr, Ḥadīth dan fiqh di beberapa buah tempat di sekitar Mesir.

Sumbangan Ibn Ḥajar di dalam mengajar ilmu Ḥadīth telah bermula pada tahun 808H/1405M apabila beliau dilantik sebagai pakar rujuk Ḥadīth di Madrasah Shaykhuniyyah ³. Dalam masa tiga tahun berada di madrasah ini Ibn Ḥajar telah dapat menghasilkan beberapa buah kitab dan di antara kitab yang termasyhur di bidang ilmu rijāl al-Ḥadīth ialah al-Isābah fi tamyīz al-Ṣahābah ⁴.

¹ Ibn Ḥajar, al-Majma', h:100

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

Pada tahun 813H/1410M Ibn Hajar telah dilantik sebagai pensyarah Hadīth di Khanqah al-Babrasiyya yang merupakan sebuah institut pengajian ilmu yang telah diasaskan oleh Sultan Baybars al-Jashankiri dalam tahun 706H/1306M¹. Ibn Hajar telah berkhidmat di madrasah ini lebih daripada 31 tahun dan pernah dilantik sebagai ketua di bahagian akademik dan pentadbiran yang juga dikenali sebagai mashikhah wa nazar².

Selain daripada memberi sumbangan di bidang ilmu Hadīth, Ibn Hajar juga pernah dilantik sebagai pakar rujuk di bidang uṣūl fiqh di beberapa buah tempat pengajian. Buat pertama kalinya beliau telah dilantik sebagai pensyarah uṣūl al-fiqh ialah pada tahun 808H/1405M di Madrasah al-Sharifiya³.

Kemudiannya pada tahun 822H/1419M beliau telah dilantik bagi jawatan yang sama di Akademi Mu'ayyadiya. Di samping mengajar ilmu uṣūl al-fiqh, Ibn Hajar turut mengajar ilmu fiqh di beberapa buah tempat pengajian ilmu atau madrasah. Ibn Hajar telah dilantik sebagai pensyarah fiqh pada tahun 833H/1429M di Ṣalihiya dan telah bertugas di sini selama 13 tahun⁴. Semasa berkhidmat di Ṣalihiya Ibn Hajar pernah dilantik bagi mengetuai guru-guru di bidang fiqh. Di antara sumbangan yang pernah diberikan semasa berkhidmat ialah beliau telah memberikan satu caramah yang berhubung dengan tokoh Imam Shāfi'i yang bertajuk Tawālī al-ta'sīs bi-ma'ālī Ibn 'Idrīs⁵.

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.131

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

Ceramah ini telah dihadiri oleh ramai tokoh ulama' termasuklah anak sultan yang bernama Naṣīri Muḥammad¹. Selain mengajar ilmu Hadīth, uṣūl fiqh dan fiqh, Ibn Ḥajar turut mengajar ilmu tafsīr. Beliau mula mengajar ilmu tafsīr pada tahun 819H/1416M di Huṣainiyyah. Ketokohan Ibn Ḥajar di dalam ilmu tafsir telah dirakamkan oleh al-Sakhāwī dalam beberapa peristiwa semasa beliau menguji murid-muridnya².

Di antara peristiwa tersebut ialah Ibn Ḥajar telah menyoal murid-muridnya yang berkaitan dengan ayat manakah yang terdapat di dalam Al-Qur'ān di mana kalimah al-Rahīm mendahului kalimah al-Rahman. Apabila melihatkan murid-muridnya tiada yang mampu menjawab, maka Ibn Ḥajar menerangkan bahawa di dalam ayat Bism Allah al-Rahman al-Rahīm menunjukkan bahawa kalimah al-Rahīm telah mendahului kalimah al-Rahman³.

1.6.3 Ahli Fatwa

Pada tahun 811H/1408M, Ibn Ḥajar telah dilantik sebagai ahli fatwa di Dār al-ʿAdl dan beliau telah memegang jawatan ini sehingga beliau meninggal dunia. Di antara tugas Ibn Ḥajar sebagai ahli fatwa ialah menulis fatwa-fatwa yang berkenaan dengan masalah yang timbul di kalangan masyarakat pada ketika itu yang meliputi persoalan-persoalan fiqh, Hadīth dan tafsir⁴.

Semasa menjalankan tugas sebagai ahli fatwa, Ibn Ḥajar telah melaksanakan tugasnya dengan penuh amanah dan bertanggungjawab. Sebagai satu bukti, pada tahun 823H/

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.140

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid., h.156

1420M beliau pernah menolak satu fatwa yang telah dibuat oleh beberapa orang sheikh yang menurut perintah sultan untuk menjatuhkan hukuman kafir ke atas Qara b. Yūsuf dan anaknya ¹.

Ibn Hajar menolak fatwa tersebut kerana merasakan perintah sultan itu tidak bersandarkan kepada sebab-sebab yang kukuh untuk menjatuhkan hukuman kafir ke atas individu tersebut ².

Sebagai ahli fatwa yang bertanggungjawab, Ibn Hajar kebiasaannya menulis lebih daripada 30 fatwa-fatwa sehari. Bagi memastikan fatwa-fatwa beliau sebagai fatwa yang lengkap dan tepat maka sebuah kitab telah dihasilkan yang bertajuk 'Ajab al-dhar fi fatāwa shahr' ³.

1.6.4 Qādi al-quḍāt

Di antara jawatan yang menjadi kontroversi bagi Ibn Hajar untuk menjawatnya ialah jawatan qādi. Walaupun pada awalnya Ibn Hajar telah cuba menolak untuk menjawat jawatan ini.

Sebelum dilantik sebagai Qādi al-quḍāt, Ibn Hajar sebenarnya pernah ditawarkan untuk menjawat jawatan timbalan qādi oleh Ṣadr al-dīn al-Munāwī (803H/1400M) yang menjadi qādi Mesir pada ketika itu ⁴. Di samping itu pada tahun 819H/1416M beliau juga pernah ditawarkan jawatan sebagai qādi di Syria dengan gaji 10,000 dirham perak sebulan ⁵.

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.157

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid., h.141 dan Ibn Hajar, Raf' al-Isr', Qaherah : t.t, h.12

⁵ Ibid.

Dua tawaran ini telah ditolak oleh Ibn Hajar kerana menganggap peranannya sebagai ulama terlalu penting pada masa itu dan beliau tidak mempunyai banyak masa sekiranya menerima jawatan tersebut ¹. Walaupun begitu, setelah mendengar pandangan dan nasihat daripada seorang qāḍī yang bernama Jalāluddīn al-Bulqīnī (m.824H/1421M) maka pada 22hb. Muḥarram 827H, Ibn Hajar telah menerima perlantikan sebagai Qāḍī al-quḍāt di Mesir ².

Apabila memegang jawatan sebagai Qāḍī al-quḍāt di Mesir, Ibn Hajar masih mengekalkan fungsi ulama yang sebenarnya di dalam menegakkan hukum-hukum Allah SWT. Oleh yang demikian, tidak hairanlah semasa memegang jawatan ini Ibn Hajar pernah dilucutkan jawatan sebanyak sembilan kali oleh pemerintah dan kemudian dilantik semula bagi memegang jawatan ini ³.

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.143 dan Ibn Hajar, Raf' al-ʿAsr, h.14

² Ibid.

³ Berikut ialah tempoh perlantikan dan perlucutan jawatan Ibn Hajar sebagai Qāḍī al-quḍāt di Mesir :

(Tarikh perlantikan)	(Tarikh perlucutan)	(tempoh)
i) 22hb. Muḥarram 827H/1423M	8hb. Dhū al-qāʿidah 827H/1423M	11 bulan
ii) 2hb. Rajab 828H/1424M	26 Šafar, 833H/1429M	4 thn. 8 bln.
iii) 26hb. Jumād al-awal 834H/1430M	5hb. Shawwal 840H/1436M	6 thn. 6 bln.
iv) 6hb. Shawwal 841H/1437M	9hb. Rabiʿ al-akhīr 842H/1438M	7 bln.
v) 9hb. Rabiʿ al-akhīr 842H/1438M	Muḥarram 844H/1440M	1 thn. 10 bln.
vi) 16hb. Muḥarram 844H/1440M	15hb. Dhū al-qāʿidah 846H/1442M	2 thn. 11 bln.
vii) 4hb. Rabiʿ al-akhīr 844H/1444M	11hb. Muḥarram 849H/1445M	10 bln.
viii) 15hb. Muḥarram	Dhū al-ḥijjah	1 thn.
ix) 8hb. Rabiʿ al-akhīr 852H/1448M	15 Jumād al-akhīr 852H/1448M	3 bln.

Rujuk al-Sakhāwī, Ibid., h.141-144 dan Ibn Hajar, Ibid., h.14-20

Sebenarnya terdapat beberapa peristiwa yang berlaku dalam jangka masa lebih kurang 19 tahun 6 bulan yang menyebabkan Ibn Hajar telah dilucutkan jawatannya sebagai qāḍī dan kemudiannya dilantik semula sebanyak 9 kali. Kesemua peristiwa tersebut sebenarnya menggambarkan ketegasan beliau sebagai qāḍī dalam menjalankan hukum Allah walaupun bertentangan dengan kehendak pemerintah.

Di dalam satu contoh peristiwa yang menyebabkannya dipecat oleh pemerintah ialah apabila beliau menolak kehendak sultan pada ketika itu untuk mengenakan zakat tambahan terhadap para usahawan yang ada pada ketika itu ¹.

Faktor utama Ibn Hajar menolak arahan sultan kerana para usahawan tersebut telahpun dikenakan cukai dengan kadar yang tinggi berbanding dengan kadar zakat. Pendapat Ibn Hajar ini telah disokong oleh qāḍī dari mazhab Hanbali dan Māliki, akan tetapi telah dibangkang oleh qāḍī dari mazhab Hanafi yang bernama Tafihni (m.849H/1445M) yang selalunya banyak memihak kepada pihak kerajaan ².

1.6.5 Imām dan Khaṭīb

Sebagai seorang yang alim dan berilmu di zamannya, Ibn Hajar telah dilantik sebagai Imām dan Khaṭīb di Masjid al-ʿAzhār pada tahun 819H. Manakala pada akhir Ramaḍan tahun 838H, beliau telah dilantik menjadi Imām dan Khaṭīb di Masjid Jāmiʿ Amr b. al-ʿĀṣ ³.

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.145 dan Ibn Hajar, Rafʿ al-ʿĀṣr, h.16

² Ibid.

³ al-Sakhāwī, Ibid., h.157

Di samping itu, beliau juga pernah dilantik menjadi penasihat di Jāmi' al-Zāhir. Melalui jawatan tersebut, Ibn Hajar telah menerangkan kepada masyarakat dan pihak pemerintah tentang tanggungjawab mereka terhadap agama. Beliau juga dengan tegas telah menegur pemerintah yang telah lalai dari menegakkan hukum Allah SWT melalui jawatan yang disandangnya ¹.

1.6.6 Pustakawan

Ibn Hajar pernah memegang jawatan pustakawan di perpustakaan sekolah Mahmudiyyah yang merupakan salah sebuah perpustakaan yang terkenal di Mesir . Perpustakaan ini mempunyai empat ribu manuskrip yang telah diusahakan oleh Ibn Jamā'ah (m.819H/1416M) . Setelah beliau mati, anaknya telah menjualkan perpustakaan ini kepada pihak sekolah dengan syarat setiap khazanah yang terdapat di dalamnya dipelihara dengan cermat ².

Walaupun begitu, di sebabkan kecuaiannya oleh pustakawan pada masa itu maka banyak bahan-bahan rujukan yang telah hilang sehinggalah Ibn Hajar dilantik ke jawatan tersebut di mana beliau telah memperkenalkan sistem indeks dan senarai mengikut tajuk buku di perpustakaan itu ³.

1.7 Keperibadian .

Mengenai sifat-sifat fizikal Ibn Hajar, menurut al-Sakhāwī, keadaan tubuh badan Ibn Hajar tidak terlalu tinggi. Kulitnya berwarna putih, mukanya bercahaya, rupa parasnya menarik dan mempunyai janggut tebal berwarna putih ⁴.

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.157

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid., h.252

Semasa hayatnya, Ibn Hajar mempunyai pendengaran dan penglihatan yang baik dan jelas. Ibn Hajar mempunyai mulut yang kecil dan tubuh badan yang sihat. Beliau telah dikenali sebagai seorang ulama' yang berjiwa besar, mempunyai ketajaman pemikiran dan daya ingatan yang kuat. Sebagai satu contoh peristiwa, Ibn Hajar pernah menghafal surah Maryam hanya dalam masa sehari ¹.

Di samping itu beliau telah menghadiri sebanyak 1150 kali majlis ujian yang dinamakan sebagai imlā' al-Hadīth yang bertujuan untuk menguji Hadīth-Hadīth yang dihafalnya ².

Ibn Hajar telah dikenali semasa hidupnya sebagai seorang yang mempunyai kesungguhan dan komitmen yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan. Sepanjang hayatnya 79 tahun beliau telah menggunakan tidak kurang dari 55 tahun dari hidupnya bagi menumpukan perhatian terhadap ilmu pengetahuan ³. Beliau menggunakan masa dengan sebaiknya untuk membaca walaupun di dalam keadaan makan atau menunggang kuda. Oleh yang demikian tidak hairanlah sekiranya Ibn Hajar telah dapat menghasilkan sebuah kitab yang bertajuk Muntaqa fihrist al-Salafi di dalam keadaan beliau menunggang unta di dalam perjalanannya menuju dari Mesir ke Mekah ⁴.

Bagi memperlihatkan komitmen Ibn Hajar terhadap ilmu pengetahuan, al-Sakhāwī telah merakamkan kehidupan harian yang biasa dilakukan oleh Ibn Hajar seperti berikut ⁵:

Sebagai seorang ulama', beliau telah bangun awal untuk mendirikan ṣalāt tahajjud, ṣalāt farḍu subuh dan sehinggalah ṣalāt fajr. Sekiranya tidak mempunyai tetamu

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.252

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

di rumahnya maka beliau mula membaca Al-Qur'ān dan kemudian menulis buku sehinggalah waktu ḍuḥā. Setelah mendirikan ṣalāt ḍuḥā maka Ibn Ḥajar menemui murid-muridnya untuk mengajar sehinggalah masuk waktu zuhr.

Setelah masuk waktu zuhr maka beliau masuk ke biliknya untuk berehat sebentar dan kemudian mendirikan ṣalāt zuhr di dalam biliknya. Selepas ṣalāt zuhr Ibn Ḥajar mula menyambung pembacaannya atau menulis buku sehinggalah masuk waktu 'Aṣar. Selepas mendirikan ṣalāt 'Aṣar beliau menyambung tugas mengajar murid-muridnya dan menulis fatwa. Di samping itu beliau juga akan bermuzakarah dengan rakan-rakannya mengenai sesuatu fatwa.

Apabila hampir masuk azan maghrib, beliau mengambil kesempatan untuk berbuka puasa sekiranya beliau berpuasa atau untuk menjamah makanan sekiranya beliau tidak berpuasa. Selepas mendirikan ṣalāt maghrib beliau menyambung semula pembacaan atau penulisan buku-bukunya sehinggalah masuk waktu 'ishā'.

Selepas waktu 'ishā', Ibn Ḥajar menyambung semula tugas-tugasnya sebagai pengajar dalam masa sejam hingga dua jam. Setelah mengajar beliau masuk ke rumahnya dan kemudian barulah beliau mendirikan ṣalāt 'ishā'. Beginilah diari kehidupan yang biasa dilalui setiap hari kecuali beliau terpaksa menjalankan tugas-tugas rasmi yang pernah disandangnya.

Ibn Hajar juga dikenali sebagai seorang mempunyai kemahiran membaca secara cepat. Menurut al-Sakhāwī, Ibn Hajar pernah membaca seluruh kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī hanya dengan sepuluh kali duduk dan setiap kali duduk untuk membaca memakan masa 4 jam ¹.

Di dalam perjalanannya menuju ke Syria Ibn Hajar pernah membaca kitab Mu'jam al-ṣaghīr yang dikarang oleh Ṭabrānī yang mengandungi 1500 Ḥadīth berserta dengan isnād hanya dengan sekali duduk di antara waktu zuhr hingga ke 'aṣar-².

Di samping mempunyai kemahiran membaca buku dengan cepat, Ibn Hajar juga mampu menulis dan menyalin segera dengan cantik sehingga dianggap sebagai ahli kaligrafi. Sebagai satu bukti, Ibn Hajar pernah menyalin seluruh kitab Ṣaḥīḥ Bukhārī hanya di dalam masa 30 hari. Sehubungan dengan itu al-Sakhāwī telah menyenaraikan tajuk-tajuk kitab yang pernah disalin oleh Ibn Hajar semasa hayatnya seperti Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Sunan Abū Dāwūd dan Sharḥ jam' al-jawāmi' oleh al-Zarkashī ³.

Dari aspek peribadi yang lebih khusus, Ibn Hajar mempunyai sifat kesederhanaan yang terserlah di dalam banyak perkara. Dari sudut makan minum, Ibn Hajar tidak mempunyai masa makan yang teratur. Beliau menjamah makanan mengikut keperluan sahaja. Di samping itu, beliau menjamah sedikit sahaja makanan di waktu malam hari ⁴.

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.253

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

Menurut Sakhāwī, Ibn Hajar amat sukakan kepada makanan yang manis. Walaubagaimanapun beliau terlalu teliti di dalam kebersihan dan menjaga dari sudut halalnya sesuatu makanan. Di samping itu beliau sentiasa mengelakkan dari memakan makanan yang shubhah atau yang diragui ¹ .

Ibn Hajar juga mempunyai sifat-sifat yang sederhana walaupun beliau bergelar sebagai Sheikh al-Islām di zamannya. Beliau lebih suka berjalan kaki dari menaiki kenderaan tunggangan yang disediakan oleh pihak pemerintah . Melalui cara ini dapat mengelakkan dirinya dari menggunakan kemudahan mewah kerajaan yang disediakan sedangkan beliau masih lagi berupaya untuk berjalan ² .

Di antara sifat Ibn Hajar yang disukai oleh orang ramai pada zamannya ialah beliau bersifat dermawan terutamanya terhadap fakir miskin. Mengikut catatan Sakhāwī, Ibn Hajar pernah mendermakan sebanyak 1,000 dinar pada Hari Raya ʿAdha untuk diagih-agihkan terhadap fakir miskin dan orang-orang yang memerlukannya. Walaubagaimanapun derma-derma tersebut telah diagihkan dengan cara yang rahsia dan tersembunyi agar sipenerima tidak mengetahui latar belakang penderma ³ . Sebagai seorang ulama', mujtahid dan Sheikh al-Islām, Ibn Hajar banyak mendirikan ibadah-ibadah wajib dan sunat . Beliau terlalu prihatin terhadap penjagaan dan penggunaan masa. Masa malam digunakan untuk beribadat seperti ṣalāt dan bertahajjud manakala waktu siang digunakan untuk mengajar di samping berpuasa ⁴ .

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.255

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

1.8 Pandangan-pandangan sarjana terhadapnya.

Sebagai seorang tokoh ulama yang berwibawa dan terkenal pada zamannya maka sudah tentu terdapat ramai di kalangan ulama', anak muridnya, para sarjana dan pengkaji ilmu akan memberi pandangan atau komentar terhadap Ibn Hajar dari berbagai aspek. Berhubung hal ini, terdapat banyak pandangan atau komentar mengenai Ibn Hajar dan dipaparkan di sini sebahagian daripadanya.

Bagi Zain al-dīn Abd al-Rahīm al-'Irāqī apabila ditanya mengenai pengganti beliau sebagai ulama' selepas kematiannya, maka beliau telah menyebut terlebih dahulu nama Ibn Hajar, Abū Zura'ah dan al-Haithāmi¹. Beliau juga pernah mengiktiraf bahawa di antara anak muridnya yang paling menguasai ilmu Hadīth ialah Ibn Hajar².

Menurut Ibn al-Mughālī yang merupakan seorang ulama mazhab Ḥanbali yang terkenal turut mengakui keilmuan Ibn Hajar khususnya di dalam ilmu Hadīth yang meliputi aspek al-rijāl, ṭabaqāt dan sharḥ al-Ḥadīth³. Beliau juga memberi pujian terhadap ingatan Ibn Hajar yang kuat terhadap teks-teks Hadīth dan isnād di samping ketajaman akalanya di dalam menyelesaikan masalah yang berhubung dengan fiqh⁴. Pujian yang seumpama ini turut diberikan oleh sejarawan Islam yang terkenal iaitu al-Maqrizī melalui kitabnya al-Uqūd al-farid fi tarājīm al-ā'yān al-mufidah⁵.

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h. 263 dan al-Dhahābī, Shadhārat al-Dhahāb, Jil.7, h.56

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

Bagi Ibn Fahd al-Makki, Ibn Hajar semasa remajanya telahpun dikenali oleh ramai ulama' khususnya dari disiplin ilmu Hadith kerana kecenderungannya terhadap ilmu rijal al-Hadith dan ilmu-ilmu yang berkaitan ¹ . Menurut beliau lagi, keilmuan Ibn Hajar yang sebenarnya dapat dinilai melalui penghasilan karya-karyanya yang bermutu dan bernilai ² .

Menurut 'Abū al-Fadl Ibn Shahna yang merupakan seorang Qāḍī al-quḍāt dari mazhab Hanafi turut mengakui keintelektualan dan kewibawaan ilmu Ibn Hajar di bidang fiqh apabila mampu menyelesaikan banyak permasalahan berdasarkan rujukan dari Al-Qur'an dan al-Sunnah ³ .

Bagi Ibn Taghribardi, Ibn Hajar merupakan seorang imām, 'ālim, hafiz, penyair, sasterawan dan juga penulis bagi sejumlah karya-karya yang banyak ⁴ . Ibn Hajar juga dikenali kerana kebaikan akhlakunya dan komunikasinya yang berhemah kepada orang ramai justeru melalui sifat-sifat ini meletakkannya sebagai ulama yang dihormati dan disegani ⁵ .

Sebagai seorang ulama Islam yang memilki sifat-sifat yang luhur dan sederhana Ibn Hajar telah mengakui dirinya tidak terlepas daripada kesilapan dan beliau sangat mengalu-alukan kepada sesiapa yang boleh memperbaiki kesilapannya kerana tujuannya hanyalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT ⁶ .

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.260

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibn Taghribardi, al-Nujūm al-Zāhirah, Jil.7, h.326-328

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

1.9 Hasil Karya

Menurut al-Sakhāwī, Ibn Hajar telah menghasilkan banyak karya-karya semasa hayatnya. Tidak dapat ditentukan pula jumlah sebenar karya Ibn Hajar kerana tiadanya usaha-usaha yang khusus bagi mengumpulkannya secara berpanjangan ¹ .

Melalui usaha yang dilakukan seperti al-Sakhāwī yang juga merupakan murid kepada Ibn Hajar, maka sebahagian karya-karya tersebut telah dapat diketahui sehingga kini. Sebenarnya karya-karya Ibn Hajar yang terdapat ketika ini terdiri di dalam bentuk buku-buku yang telah dicetak dan di dalam bentuk manuskript.

Berikut disenaraikan tajuk karya-karya Ibn Hajar yang meliputi beberapa bidang ilmu pengetahuan seperti Hadīth, Tafsīr, Kesusasteraan Arab dan Sejarah ²:

- 1) al-Durār al-kāminah fi 'ayān al-mi'ah al-thāminah.
- 2) Lisān al-mizān
- 3) al-Aḥkām li bayān ma fi al-Qur'ān min al-aḥkām.
- 4) Diwān Sha'ir
- 5) al-Kāfi al-shāfi fi takhrij aḤadīth al-kashf

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.78

² al-Sakhāwī, Ibid.; Kahyr al-dīn Zereklī, al-'Ālam, Beyrut:1979, Juz.1, h.178; B. Lewis, V.L Menage, C.H Pellat and J. Schact, The Encyclopedia of Islam, London:1986, vol.iii, h.778 dan M.TH. Houtsma, A.J Wensinck, T.W Arnold, W. Heffening and E. Levi - Provencal, The Encyclopedia of Islam, vol.ii, London: 1927, h.380

- 6) Dzayl al-durār al-kāminah
- 7) al-Alqāb al-ruwāt
- 8) Taqrib al-tahdhīb
- 9) al-Isābah fī tamyīz asmā' al-Ṣahābah
- 10) Tahdhīb al-Tahdhīb
- 11) Ta'jīl al-manfā'ah bi-zawā'id rijāl al-ā'immah al-arba'ah.
- 12) Ta'rīf ahl al-taqdīs
- 13) Bulūgh al-Marām min 'adillah al-aḥkām
- 14) al-Majma' al-mu'assīs bi al-mūjam al-mufahras
- 15) Tuhfat ahl al-Ḥadīth 'an shuyūkh al-Ḥadīth
- 16) Nuzhah al-naẓr fī tawdīh nukhbah al-fikr
- 17) al-Majālis
- 18) al-Qawl al-musaddad fī al-dzab 'an musnad al-Imām Aḥmad
- 19) Diwān Khutb
- 20) Tasdīd al-qaws fī mukhtaṣar al-firdaws lil dubli
- 21) Tabṣir al-muntabah fī tahrīr al-mustabah

- 22) Raf' al-iṣr 'an quḍāt miṣr
- 23) 'Inbā' al-ghumar bi 'anbā' al-'umr
- 24) Ithāf al-mahārah bi atrāf al-ishrah
- 25) al-'Ilām fī man walla Miṣr fī al-Islām
- 26) Nuzhah al-albāb fī al-alqāb
- 27) al-Dibājah
- 28) Muqaddimah Fath al-bārī fī sharḥ ṣaḥīḥ al-bukhārī
- 29) al-Talkhis al-habir fī takhrij Ahadith al-rafi' al-kabir
- 30) Taghliq al-ta'liq

1.10 Kewafatan

Sebelum kewafatannya, beliau telah mula mengalami kesakitan pada hari Selasa 11 Zulkaedah 852H. Beliau mula merasa sakit semasa pulang ke rumah isteri pertamanya, Anas. Pada mulanya Ibn Hajar cuba menyembunyikan kesakitannya.

Walaupun bagaimanapun apabila sakitnya bertambah serius, maka ahli keluarganya telah memanggil doktor untuk tujuan mengesan dan merawat penyakit Ibn Hajar. Doktor telah cuba mengesan dan merawat penyakit Ibn Hajar, tetapi keadaan beliau semakin lemah.

Akibat seriusnya penyakit yang dialami, Ibn Hajar terpaksa melakukan ṣalāt di dalam keadaan duduk. Dan pada malam tersebut, beliau terpaksa meninggalkan ṣalāt Qiyām al-lail yang biasa dilakukannya sebelum ini ¹ .

Semasa Ibn Hajar berada di dalam keadaan tenat, maka ramai para pembesar negara, para qāḍi, ulama' dan anak muridnya datang menziarahi beliau.

Semasa anak cucunya dan sahabat yang mengelilinginya membaca Surah Yassin dan mengulangi ayat (سَلَامٌ قَوْلًا مِنْ رَبِّكَ وَتَرْجِيحٌ), maka Ibn Hajar kembali ke RahmatuLlah bersamaan malam Sabtu, 28hb. Zulhijjah selepas waktu 'ishā' dalam tahun 852H/ 21hb. Februari 1449 di Mesir ² . Jenazah Ibn Hajar telah dikebumikan di satu kawasan perkuburan yang bernama Qarafa³ .

Apabila mendengar kematian Ibn Hajar, umat Islam di merata tempat seperti di Mekah, Baitul Maqdis, Halb dan Dimashq dan di merata tempat telah mendirikan ṣalāt ghaib untuk beliau. Seramai lebih 1500 orang Islam telah mengiringi mayat Ibn Hajar semasa di bawa ke tanah perkuburan ⁴ .

¹ al-Sakhāwī, al-Jawāhir wa al-Durār, h.277

² al-Sakhāwī, al-Jawāhir, h.277 dan al-Daw' al-Lāmi, Jil.2, h.40 dan al-Dhahābi, Shadharat al-Dhahāb, Jil.7, h.273

³ Ibid.

⁴ Ibid.